

# DUA PASANGAN KEMBAR SMK BUKIT BANDARAYA CEMERLANG

**BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 24/12/2009 | Author: / NF TCL MAI**

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Dua pasangan kembar dari Sekolah Menengah Bukit Bandaraya dekat sini merupakan antara pelajar cemerlang yang mendapat 7A dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah tahun ini.

Andrew Hong Tiang Ming dan Bryan Hong Tiang Suan tidak menyangka bahawa usaha keras mereka beberapa bulan sebelum peperiksaan memberikan kejayaan kepada mereka.

"Saya dan Bryan telah berusaha memandangkan ibu bapa menaruh harapan tinggi kepada kami untuk mendapat keputusan yang cemerlang," kata Andrew yang bercita-cita untuk memiliki rangkaian perhotelannya sendiri.

Bagi pasangan kembar lelaki dan perempuan K. Yugan dan K. Yarlini, yang juga mendapat 7A dalam PMR tahun ini, keputusan yang diperoleh mereka pada hari ini agak mengejutkan memandangkan mereka hanya membuat persediaan rapi sebulan sebelum peperiksaan.

Namun begitu, kata Yugan, beliau dan Yarlini yang merupakan kakaknya, tidak bergantung kepada nasib semata-mata memandangkan mereka juga sebenarnya turut mengamalkan pembelajaran secara berterusan dengan memberi tumpuan dalam kelas dan menghadiri kelas tambahan di luar waktu persekolahan.

Penolong Kanan Satu (Pentadbiran) sekolah, Siti Sarimah Shaik Abdul Rahman, berkata seramai 44 daripada 259 pelajar sekolah itu berjaya mendapat keputusan 8A dan 7A pada PMR tahun ini.

-- BERNAMA  
NF TCL MAI